

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

09 MEI 2021

AHAD



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	KEMPUNAN NIKMATI DUIT MERCUN, ROKOK	2
METRO AHAD	RAMPASAN RM1.38 JUTA	3
SINAR AHAD	SINDIKET CUBA SELUDUP MERCUN, ROKOK	4
BERITA HARIAN	5 SUSPEK SELUDUP ROKOK, MERCUN LEBIH RM1.38J DITAHAN	5



KOSMO

Kosmo! Ahad 9 MEI 2021

PGA tahan 5 lelaki, rampasan bernilai lebih RM1 juta

Kempunan nikmati duit mercun, rokok

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Hajat lima lelaki untuk mengaut keuntungan lumayan dengan menyeludup pelbagai jenis rokok dan mercun tidak kesampaian apabila mereka diberkas dalam tiga serbuan berasingan membabitkan rampasan lebih RM1.3 juta kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA), Superintendent Dimin Awang berkata, kesemua serbuan dilakukan di Pasir Gudang, Muar dan Iskandar Puteri.

Katanya, serbuan pertama membabitkan dua lelaki berusia 39 dan 42 tahun di Pasir Gudang apabila merampas 157 kotak mercun pelbagai jenis selain sebuah kenderaan jenis Nissan Terrano yang dipercayai digunakan untuk melakukan kerja-kerja sindiket. Nilai rampasan adalah kira-kira RM115,318.

"Serbuan kedua pula melibatkan penahanan dua lelaki berusia 33 dan 37 tahun di Muar den-




ANTARA kotak mercun dan rokok yang dirampas dalam tiga serbuan di Pasir Gudang, Muar dan Iskandar Puteri kelmarin.

gan rampasan 363 kotak dan guni mercun selain lori Hicom membabitkan nilai lebih RM352,350," katanya.

Sementara itu, dalam serbuan ketiga, PGA menahan seorang lelaki berusia 64 tahun dan merampas 5,000 karton rokok tidak bercukai di sebuah premis di

Skudai. Turut dirampas sebuah kenderaan jenis Toyota Unser yang dipercayai digunakan suspek untuk mengedarkan rokok.

"Anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM913,000 manakala tangkapan dan rampasan dibawa ke IPD Iskandar Puteri," katanya.



METRO AHAD

Metro Ahad | 09.05.2021

13

lokal

WARGA emas (gambar bulatan) ditahan bersama rokok seludup di Taman Selesa Jaya, Skudai.



EMPAT suspek yang terbabit dalam rangkaian pengedaran mercun ditahan di dua lokasi dalam serbuan berasingan di Pasir Gudang dan Muar.

RAMPASAN RM1.38 JUTA

*Rangkaian edar mercun, rokok seludup tumpas*Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my**Pasir Gudang**

Satu rangkaian pengedaran mercun dan rokok seludup berjaya ditumpaskan dalam tiga serbuan berasingan di tiga lokasi Pasir Gudang, Muar dan Johor Bahru, kelmarin membabitkan rampasan bernilai RM1.38 juta.

Pegawai Pemerintah Batallon 5 Pasukan Gerakan Am (PGA), Superintendant Dimin Awang berkata, lima suspek berusia 33 hingga 64 tahun ditahan, sekali gus dipercayai berjaya memutuskan satu rangkaian pengedaran mercun dan rokok seludup di kawasan terbabit.

Katanya, tangkapan pertama pada jam 10 pagi membebikkan dua lelaki tempatan berumur

39 dan 42 tahun serta merampas 157 kotak mercun pelbagai jenis di sebuah premis di Jalan Perjiranan, Taman Air Biru di sini.

Turut dirampas kendaraan paucan empat roda Nissan Terrano dipercayai digunakan sindiket terbabit. Tangkapan dan rampasan RM115,318 dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam untuk tindakan lanjut," katanya, semalam.

Manakala tangkapan dan rampasan kedua dilakukan jam 11 pagi ke atas dua lelaki tempatan berumur 33 dan 37 tahun serta merampas 363 kotak dan guni mercun pelbagai jenis di sebuah premis di Jalan Putera 6, Taman Putera Indah, Muar.

Turut dirampas lori Hicom dan nilai keseluruhan rampanan berjumlah RM352,350. Tangka-

pan dan rampasan dibawa ke IPD Muar untuk tindakan lanjut.

Menurut Dimin, kejayaan ketiga membabitkan tangkapan jam 12.30 tengah hari ke atas lelaki warga emas berumur 64 tahun dan merampas 5,000 karton rokok pelbagai jenama yang tidak mempunyai cukai kastam di sebuah premis beralamat di Jalan Silat Cekak, Taman Selesa Jaya, Skudai.

Kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Unser yang dipercayai digunakan suspek untuk tujuan pengedaran rokok seludup di sekitar kawasan Johor Bahru, juga dirampas.

"Anggaran nilai keseluruhan rampasan adalah RM913,000. Tangkapan dan rampasan dibawa ke IPD Iskandar Puteri untuk tindakan lanjut," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 8 Akta Bahau Letupan 1957 (Akta 207).

Semuanya ditahan dalam tiga serbuan berasingan di Pasir Gudang, Muar dan Johor Bahru

SINAR AHAD

SINAR AHAD • 9 MEI 2021

NASIONAL

11

Raya dalam Keberkatan
Sinar Ahad

Sindiket cuba seludup mercun, rokok

PGA rampas pelbagai mercun, rokok dan kenderaan bernilai lebih RM1.38 juta dalam tiga serbuan berasingan

Oleh FARAH SHAZWANI

JOHOR BAHRU

P asukan Gerakan Am (PGA) berjaya memungkarkan sindiket penyeludup mercun dan rokok dengan penahanan lima lelaki dan merampas pelbagai jenis mercun, rokok dan kenderaan bernilai lebih RM1.38 juta dalam tiga serbuan berasingan sempena Op Kontraband pada Jumaat.

Pegawai Pemerintah Batalion 5 PGA Simpang Renggam, Superintendant Dimin Awang berkata, dalam serbuan pertama

di sebuah premis di Taman Air Biru, Pasir Gudang jam 10 pagi, dua lelaki tempatan berumur 39 dan 42 tahun telah ditahan.

"Anggota PGA merampas 157 kotak mercun pelbagai jenis dan sebuah kenderaan jenis Nissan Terrano yang dipercayai digunakan dalam sindiket itu.

"Anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah lebih RM115,318. Tangkapan dan rampasan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam untuk tindakan lanjut."

"Kes disiasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207)," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Sabtu.

Dalam serbuan kedua puluh, anggota PGA berjaya menahan dua lelaki tempatan berumur 33 dan 37 tahun.

Serbuan itu dilakukan di sebuah premis di Taman Putera Indah, Muar kira-kira jam 11 pagi.

"Sebanyak 363 kotak dan



Sebahagian daripada rokok seludup yang dirampas anggota PGA Simpang Renggam di Johor pada Jumaat.

guni mercun pelbagai jenis dan sebuah lori jenis Hicom yang dipercayai digunakan dalam sindiket itu telah dirampas, dengan anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah lebih RM352,350.

"Kesemua suspek dan

barang rampasan dibawa ke IPD Muar untuk tindakan lanjut dan kes disiasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207)," ujarnya.

Sementara itu rampasan ketiga dibuat kira-kira jam 12.30 tengah hari di Taman


Selesa Jaya, Skudai.

Pihak polis berjaya menahan seorang lelaki tempatan berumur 64 tahun dan merampas 5,000 karton rokok pelbagai jenama yang tidak mempunyai cukai kastam.

Turut dirampas, sebuah kenderaan jenis Toyota Unser yang dipercayai digunakan suspek untuk tujuan pengedaran rokok seludup di sekitar kawasan Johor Bahru.

"Anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM 913,000. Tangkapan dan rampasan telah dibawa ke IPD Iskandar Puteri untuk tindakan lanjut manakala kes disiasat di bawah Seksyen 135 (1) Akta Kastam 1967.

"Anggaran keseluruhan nilai ketiga-tiga rampasan berjumlah RM1,381,668 dan dipercayai hasil tangkapan dan rampasan berjaya memutuskan satu rangkaian pengedaran mercun dan rokok seludup di kawasan tersebut," katanya.



BERITA HARIAN

18

Nasional

5 suspek seludup rokok, mercun lebih RM1.38j ditahan

PGA serbu tiga lokasi tumpaskan rangkaian

Oleh Nor Azizah Mokhtar,
Noor Hidayah Tanzizi dan
Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Seorang warga emas antara lima lelaki ditahan Pasukan Gerakan Am (PGA) kerana dipercuryai menyeludup mercun dan rokok dengan nilai keseluruhan lebih RM1.38 juta dalam tiga serbuan berasingan di Pasir Gudang, Muar dan sekitar daerah ini, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 5

Pasukan Gerakan Am (PGA), Superintendant Dimin Awang berkata, hasil rampasan dan tangkapan terhadap semua mereka berumur lingkungan 33 hingga 64 tahun itu dipercuryai berjaya memutuskan satu rangkaian pengedaran mercun dan rokok seludup di kawasan itu.

"Tangkapan pertama pada jam 10 pagi membabitkan dua individu berumur 39 dan 42 tahun.

"Sebanyak 157 kotak mercun pelbagai jenis dirampas termasuk sebuah lori ke atas sebuah premis di Jalan Putera 6, Taman Putera Indah, Muar dengan jumlah keseluruhan RM352,350," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dimin berkata, pada jam 12.30 tengah hari, individu berumur 64 tahun ditahan dan 5,000 karton rokok pelbagai jenama tidak cukai kastam serta sebuah kendaraan Toyota Unser dirampas di premis beralamat Jalan Silat Cecak, Taman Selesa Jaya, Skudai dengan jumlah RM913,000.

Katanya, semua tangkapan dan rampasan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam, Muar dan Iskandar Puteri untuk tinjakan lanjut.

"Dalam operasi pada jam 11 pagi pula, dua individu berumur 33 dan 37 tahun ditangkap serta

363 kotak serta guni mercun pelbagai jenis dirampas termasuk sebuah lori ke atas sebuah premis di Jalan Putera 6, Taman Putera Indah, Muar dengan jumlah keseluruhan RM352,350," katanya dalam kenyataan, semalam.

emas selepas didapati menyimpan 97 kotak pelbagai jenis mercun dan bunga api tanpa permit di sebuah rumah dalam Kawasan sawit di Simpang Dua Kampung Koh, Sitiawan, kelmarin.

Wanita tempatan berusia 60 tahun itu ditahan pegawai dan anggota Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu, Kampung Aceh bersama Bahagian Siasatan Jejayan Ibu Pejabat Polis Daerah Manjung pada 8.30 malam.

Komander PPM Wilayah Satu, Asisten Komisioner Rosman Ismail, berkata pemeriksaan piakahnya menemui 97 kotak mercun dan bunga api pelbagai jenis disimpan di rumah berkenaan yang dianggarkan bernilai RM60,000.

Sementara itu di Kuala Lumpur, polis menahan lelaki berusia 50 tahun dan merampas 99 kotak mercun dalam kereta dianggaran RM10,000 di tepi Jalan Kenanga di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohammad Zainal Abdullah, berkata lelaki berkenaan ditahan jam 11.20 malam selepas anggota Balai Polis Tun H S Lee yang menjalankan Operasi Pematuhan Op COVID-19 menahan kereta suspek untuk pemeriksaan.



Suspek kes seludup mercun serta rokok ditahan di dua lokasi berasingan di Pasir Gudang dan Muar, semalam.
(Foto ihsan PGA)

